**NOTA CAKAP**

**MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT PENGAWASAN 2 MS ISO 9001:2015**

**TARIKH: 12 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**
**MASA: 9.00 PAGI**
**APLIKASI: FIZIKAL (BK. MESYUARAT UTAMA CANSELORI, ARAS 5) & MS TEAMS**

Fizikal : Akan dihadiri oleh Pengurusan UTeM

MS Teams : Auditor Badan Pensijilan dan Penyelaras ISO bagi PTj/PBU yang akan diaudit

**Salutasi**

(Senarai Kehadiran Akan Diberi pada hari Isnin, 11 September 2023)

| BIL. | NOTA CAKAP | SLIDE |
|---|---|---|
| 1 | Terima kasih diucapkan kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal serta pihak auditor dari MY CO2 Certification Sdn. Bhd. dan Penyelaras ISO yang telibat pada audit kali ini secara atas talian.<br><br>Untuk makluman semua, Audit Pengawasan 2 ini merupakan pengauditan kali ketiga UTeM bersama pihak MY CO2 dalam kitaran audit 2021 - 2023.<br><br>UTeM telah menjalani :<br>• Audit Pensijilan Semula pada 8-11 November 2021;<br><br>• Audit Pengawasan 1 pada 20-23 September 2022; yang mana skop Pejabat Pendaftar telah dimasukkan dalam skop Audit Pengawasan 1<br><br>• Dan kini UTeM akan menjalani Audit Pengawasan 2 bermula pada hari ini sehingga 15 September 2023 sebagaimana pada slaid yang dipaparkan. | Slide 2<br> |

<table>
<tr>
<td>2</td>
<td>Audit Pengawasan 2 ini akan dijalankan secara atas talian ataupun remote audit dan pihak PPSKR akan bertindak sebagai urus setia dan sebarang pemakluman baharu atau sebarang isu semasa sesi audit dijalankan perlulah disalurkan kepada PPSKR.</td>
<td>Slide 3<br>

</td>
</tr>
<tr>
<td>3</td>
<td>Berikut merupakan barisan juruaudit dari badan pensijilan MY CO2 yang akan mengaudit UTeM pada tahun ini.<br><br>
Pihak UTeM mengucapkan selamat menjalankan audit kepada ketiga-tiga juruaudit yang dilantik iaitu :
<ul>
<li>Puan Chong Moi Mee (Ketua Juruaudit);</li>
<li>Encik Ooi Chin Giap; dan</li>
<li>Puan Khor Geok Hoong.</li>
</ul></td>
<td>Slide 4<br>

</td>
</tr>
<tr>
<td>4</td>
<td>Untuk makluman Juruaudit, UTeM beroperasi di dua buah Kampus iaitu :
<ul>
<li>Kampus Induk di Durian Tunggal, Melaka; dan</li>
<li>Kampus Teknologi di Ayer Keroh, Melaka.</li>
</ul></td>
<td>Slide 5<br>

</td>
</tr>
</table>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| 5 | UTeM yang ditubuhkan pada **1 Disember 2000** telah beroperasi selama hampir 23 tahun dan mempunyai :<br><br>• Seramai 38,814 graduan sejak Tahun 2005 dengan peratus Graduate Employability (GE) sebanyak 96.4% berdasarkan statistik Tahun 2022;<br><br>• Memiliki kekuatan staf seramai 2012 orang (869 darinya adalah staf akademik dan 1143 staf pentadbiran), 430 orang memiliki sijil profesional dan 68.03% staf akademik direkodkan mempunyai kelayakan dalam bidang PhD;<br><br>• UTeM juga mempunyai 8 buah Fakulti dengan 99 program akademik yang terdiri dari Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma;<br><br>• Enrolmen pelajar UTeM sehingga kini adalah sebanyak 12,630 pelajar dan 629 orang pelajar antarabangsa. | Slide 6<br> |
| 6 | UTeM juga mempunyai lebih dari 100 hubungan kolaborasi bersama pihak Industri seperti Samsung, ZTE, Western Digital dan lain-lain lagi. | Slide 7<br> |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

<table>
<tr><td>7</td><td>UTeM mempunyai 2 skop pensijilan ISO iaitu :<br><br>Skop 1: Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Di Peringkat Prasiswazah & Pascasiswazah Dan Aktiviti Pengurusan Penyelidikan;<br><br>Skop 2: Penyediaan Perkhidmatan Sokongan Pendidikan.<br><br>Annex : Pejabat Bendahari, Perpustakaan Laman Hikmah, Pejabat Pengurusan Fasiliti & Pejabat Pengurusan Pembangunan, Pusat Alam Sekitar Pintar dan Pejabat Pendaftar.</td><td>Slide 8<br><br></td></tr>
<tr><td>8</td><td>Berikut merupakan carta perbatuan bagi perlaksanaan aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti Tahun 2023 di UTeM bermula dari bulan Februari sehingga ke hari ini.</td><td>Slide 9<br><br></td></tr>
<tr><td>9</td><td>Dipaparkan adalah status OFI dan NCR yang diterima UTeM bagi Audit Pensijilan Semula (Tahun 2021) dan Audit Pengawasan 1 (Tahun 2022) untuk rujukan bersama.<br><br>Kesemua OFI yang diberikan telah diambil tindakan penambahbaikan yang bersesuaian. Kini UTeM akan menjalani Audit Pengawasan 2 untuk melengkapkan kitaran penuh pengauditan.</td><td>Slide 10<br><br></td></tr>
</table>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| 10 | UTeM juga telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi pemantapan kualiti seperti:<br><br>• Taklimat Kesedaran SPK kepada staf;<br>• Pemantapan Dokumen Kualiti dari masa ke semasa;<br>• Audit ISO Dalaman;<br>• Serta Semakan Semula Pengurusan bagi mengkaji pengurusan kualiti yang telah dijalankan. | Slide 11<br> |
| 11 | Selain itu UTeM juga telah :<br><br>• Menjalankan latihan dan kursus kepada Juruaudit ISO Dalaman kami bagi meningkatkan kredibiliti pengauditan mereka;<br>• Selain mengimpilmentasikan pengurusan risiko dalam mesyuarat, perancangan serta hal-hal yang berkaitan dan menyediakan Klinik Pengurusan Risiko bagi meningkatkan kefahaman. | Slide 12<br> |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| 12 | Untuk makluman, UTeM telah mengalami beberapa sesi perkembangan selari dengan perubahan masa. Antaranya :<br><br>• Penstrukturan semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan berkuatkuasa **15 September 2023** dari 6 kepada 4 Fakulti iaitu:<br>a) Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE),<br>b) Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektronik Dan Komputer (FTKEK),<br>c) Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM); dan<br>d) Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Industri Dan Pembuatan (FTKIP).<br><br>• Penjenamaan semula nama Pusat Pengajian Siswazah (PPS) kepada Sekolah Pengajian Siswazah (SPS). | Slide 13<br><br> |
| 13 | Perincian penstrukturan semula Fakulti adalah sebagaimana paparan berikut.<br><br>Selaras dengan hala tuju akademik Universiti sebagai IPTA Model 2 dan sejajar dengan Pelan Strategik UTeM 2023-2025, adalah menjadi keutamaan Universiti untuk memberi penekanan dalam memperkasa TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) dengan membuat penstrukturan semula empat (4) Fakulti Kejuruteraan dan dua (2) Fakulti Teknologi Kejuruteraan kepada empat (4) Fakulti mengikut fokus bidang Kejuruteraan dan Teknologi. | Slide 14<br><br> |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| | | Slide 15<br> |
| 14 | Dan akhir sekali merupakan senarai PTj/PBU yang telibat sepanjang Audit Pengawasan 2 dilaksanakan dari **12 September sehingga 15 September 2023**.<br><br>**12 September** : Pusat Pengurusan Strategik,Kualiti & Risiko (PPSKR), Pejabat Bendahari, Pusat Kecemerlangan Dan Kesarjanaan Akademik (PKKA)<br><br>**13 September** : Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR), Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF)<br><br>**14 September** : Pejabat Pendaftar, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)<br><br>**15 September** : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK)<br><br>Exit Meeting dijadualkan akan diadakan pada **15 September 2023, jam 4 petang**.<br><br>UTeM amat berharap agar PTj/PBU yang diaudit dapat memenuhi keperluan pengauditan yang ditetapkan sekaligus mengekalkan pensijilan MS ISO 9011:2015 di UTeM. | Slide 16<br><br><br>Slide 17<br> |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| 15 | Oleh itu, tanpa melengahkan masa lagi saya serahkan semula kepada urus setia mesyuarat iaitu Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR).<br><br>Terima kasih. | |

***Mesyuarat akan diteruskan dengan **video fasiliti UTeM** dan selepas sahaja paparan video tamat pihak auditor MY CO2 akan memberikan sedikit taklimat berkaitan pengauditan.*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA